

Penulis: Sharin Sulaiman

Friend of Archive (FOA): “Archives United” Sambutan Minggu Arkib Sedunia 2023

Penulis: Sharin Sulaiman

Seramai 20 orang pelajar Diploma Pengurusan Maklumat dari Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Sarawak telah menyertai program Friend of Archive (FOA) bersempena Minggu Arkib Sedunia yang bertemakan Archives United yang diadakan oleh Repotori Rekod Negeri Sarawak, Pustaka Negeri Sarawak, Kuching dari 26 hingga 27 Jun 2023. Program ini turut disokong oleh barisan pensyarah fakulti yang mana telah meluangkan masa untuk menyertai program bersama pelajar. Puan Norlida Ismailly, Dr Hajah Imilia Binti Ibrahim, Puan Sabariah Abd Samad, Ts Abdul Ismail Bin Mohd Jawi dan En. Sharin Bin Sulaiman merupakan wakil pensyarah yang hadir dan menyertai program FoA tersebut.



Pelajar diberi taklimat oleh Puan Dorothy Dela Anak Lawrence tentang proses deskripsi bahan rekod

MENINGKATKAN KEFAHAMAN MENGENAI PERANAN SEKTOR PERKHIDMATAN REPOSITORY DALAM PENGURUSAN REKOD

Antara objektif diadakan program ini adalah mengukuhkan pemahaman tentang fungsi sektor perkhidmatan repositori dalam pengurusan rekod Jabatan/Agensi kerajaan Sarawak bermula daripada pewujudan sehingga pelupusan dan permindahan rekod bagi tujuan arkib dan mempromosikan budaya kesukarelawanan di Repotori Rekod Negeri, Pustaka Negeri Sarawak yang menawarkan peluang dan pengalaman yang bermakna bagi individu yang berminat mengkaji tentang sejarah untuk meningkatkan ilmu, kemahiran dan terlibat dengan aktiviti yang memberi manfaat kepada bangsa, agama dan negara.



Salah seorang pensyarah Pusat Pengajian Sains Maklumat sedang menjalankan aktiviti membersihkan dokumen di dalam fail yang diberikan

ONE WEEK ONE STORY

ONE WEEK ONE STORY

Pada hari kedua program, aktiviti bermula dengan penerangan aktiviti rutin yang dijalankan oleh Repotori Rekod Negeri dan kemudian para pelajar dibawa ke ruang khas untuk menjalankan proses deskripsi bahan arkib. Di sini, pelajar diberi pendedahan tentang sistem yang digunakan untuk memasukkan maklumat pada setiap bahan arkib yang ada untuk akses kepada maklumat di masa depan. Pada pukul 11.00 pagi, pelajar diberi penerangan secara hands-on tentang kaedah untuk memulihara rekod dan proses penjilidan buku yang diterbitkan oleh Repotori Rekod Negeri. Menyedari hakikat tentang kepentingan penggunaan teknologi dalam pemeliharaan dan pemuliharaan bahan arkib, pelajar turut berpeluang untuk mempelajari langkah asas proses pendigitalan bahan arkib bercetak ke dalam bentuk digital. Program pada hari kedua berakhir dengan sesi penyampaian sijil penyertaan dan sesi bergambar.



Pelajar diberikan penerangan tentang sistem yang digunakan untuk merekod bahan arkib.

Pada hari pertama program dimulakan dengan pihak Repotori Rekod Negeri menyampaikan ucapan aluan kepada para pensyarah dan pelajar yang hadir secara keseluruhan program yang dijalankan. Setelah itu, para pensyarah dan pelajar disediakan dengan alatan ringkas yang digunakan untuk proses penyediaan rekod iaitu membersih, menanggalkan klip kertas, menyusun dokumen berdasarkan kepada tarikh dan lembaran surat di dalam fail dan sebagainya. Pada sebelah petang, aktiviti diteruskan dengan pelajar menyambung semula aktiviti pembersihan pada fail yang diberikan sehingga selesai.



Para pelajar Pusat Pengajian Sains Maklumat bersama pensyarah pengiring yang menghadiri program Friends of Archives sempena Sambutan Minggu Arkib Sedunia 2023 di Repotori Rekod Negeri Sarawak pada 26 hingga 27 Jun 2023

